

## **KEMPEN AUTO LOAN/PEMBIAYAAN-I ULANG TAHUN KERETA**

Kemaskini terakhir 14 April 2022

### **TEMPOH KEMPEN**

Hong Leong Bank Berhad's (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad's 200501009144 (686191-W) ("**HLISB**") (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Pihak Bank**") "**Ulang Tahun Kereta**" ("**Kempen**") bermula pada 17 April 2023 dan berakhir pada 30 Jun 2023, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**"), melainkan diberitahu sebaliknya pada [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Web Bank**").

### **TERMA & SYARAT**

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini ("**T&S**"):

### **KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu dan bukan individu Pihak Bank yang telah memenuhi kriteria berikut ("**Pelanggan yang layak**"):
  - (a) Telah menerima Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**"), WhatsApp, pemberitahuan daripada App Hong Leong Connect atau jemputan notifikasi Facebook untuk menyertai Kempen ini;
  - (b) telah membeli kenderaan di bawah mana-mana segmen kereta ("**Kereta**") (Baharu, terpakai atau recond);
  - (c) telah membiayai dengan mana-mana Produk Sertaaan yang diluluskan oleh Bank dengan jumlah pinjaman/pembiayaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) dan tempoh pinjaman/pembiayaan melebihi tiga (3) tahun untuk pembelian kereta yang dibiayai; dan
  - (d) telah memohon untuk Produk Sertaaan dalam Tempoh Kempen.
2. Produk Bank yang layak untuk kempen ini adalah seperti berikut ("**Product Sertaaan**"):
  - (a) Kadar Tetap Pinjaman Kereta Hong Leong; dan
  - (b) Kadar Tetap Pembiayaan Auto-i Hong Leong.
3. Pelanggan berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
  - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan salah dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; atau
  - (b) Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana perbuatan salah yang ditetapkan di sini.

### **MEKANIK KEMPEN**

5. Pelanggan yang layak mesti memenuhi kriteria yang disenaraikan seperti berikut:-
  - (a) telah mengemukakan permohonan kepada Pihak Bank untuk mana-mana Produk Sertaaan untuk membeli Kereta dalam Tempoh Kempen; dan
  - (b) permohonan untuk Produk Sertaaan berjaya dibiayai/dikeluarkan oleh Bank selewat-lewatnya pada 10 Oktober 2023 ("**Tarikh Pengeluaran Akhir**").
6. Pelanggan Layak yang telah memenuhi semua kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 5 di atas dan berjaya memperoleh Produk Sertaaan yang dibiayai/dikeluar oleh Pihak Bank selewat-lewatnya pada 10 Oktober 2023 akan menerima Baucar Diskaun daripada Trapo Marketing Sdn Bhd (201801032154 (1294179-D)) ("**Baucar Hadiah Trapo**").

7. Pelanggan Layak yang mendaftar untuk Insurans/Takaful Motor Komprehensif (“**Pelan Perlindungan**”) melalui platform dalam talian oleh MSIG Insurance (M) Berhad/Hong Leong MSIG Takaful Berhad akan ditawarkan rebat sepuluh peratus (10%) ke atas premium/sumbangan Pelan Perlindungan dan Pin Tambah Nilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) Touch n’ Go (“**Pin Muat Semula**”).
8. Baucar Hadiah Trapo adalah terpakai di semua cawangan kedai Trapo Malaysia dan platform dalam talian. Penebusan Baucar Hadiah Trapo tidak tersedia semasa Kempen Hari Bujang Trapo (iaitu, 10.10, 11.11, 12.12).
9. Pelanggan yang Layak untuk mendapat Baucar Hadiah Trapo atau Pin Tambah Nilai akan diumumkan enam puluh (60) hari dari Tarikh Pengeluaran Akhir. Pemenang akan menerima Baucar Hadiah Trapo Pin dalam tempoh enam puluh (60) hari dari pengumuman melalui e-mel.
10. Pelan Perlindungan akan tertakluk kepada kelulusan Penanggung Insurans/Takaful masing-masing dan terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh mereka dan mengikut budi bicara mutlak Penanggung Insurans/ Takaful.
11. Untuk mengelakkan keraguan, Baucar Hadiah Trapo dan Pin Tambah Nilai akan diperuntukkan atas dasar siapa cepat dia dapat (First Come, First Served), tertakluk kepada ketersediaan dan terhad kepada satu (1) Baucar Hadiah Trapo dan Pin Tambah Nilai untuk setiap Pelanggan Layak yang berjaya, tanpa mengira bilangan permohonan untuk Produk Sertaan yang dikemukakan oleh Pelanggan yang Layak serta bilangan permohonan untuk Produk Sertaan yang diluluskan oleh Bank semasa Tempoh Kempen.

#### **Berpeluang Memenangi Keahlian Cars International Car Wash**

12. Pelanggan Layak yang telah memenuhi semua kriteria kelayakan untuk kempen dan permohonan Produk Sertaan yang berjaya dibiayai/dikeluarkan oleh Bank berhak untuk berpeluang memenangi:

Keahlian Cars International Car Wash bernilai Ringgit Malaysia Sembilan Ratus Lima Puluh (RM950) (“Hadiah Peraduan”) x 3

13. Hadiah peraduan di atas akan diberikan kepada pemenang terpilih (“Pemenang”) berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam jadual di bawah dari April 2023 – Jun 2023:

<b>Tempoh</b>	<b>Pilihan Pelanggan Layak Disenarai-pendekkan</b>	<b>Bilangan Pemenang</b>
April 2023 – Jun 2023	Pelanggan Layak yang mempunyai nombor urutan berikut: 10	3

#### **PEMENUHAN KEMPEN**

14. Ketiga-tiga (3) Hadiah Peraduan akan dihantar terus ke alamat setiap Pemenang oleh Pihak Bank, jika gagal, hadiah-hadiah tersebut akan dilucuthakkan dan tiada rayuan selanjutnya akan diproses oleh Bank.
15. Hadiah Peraduan akan disahkan dengan Pemenang melalui panggilan telefon. Semua Hadiah Peraduan akan dihantarkan kepada Pemenang yang disahkan melalui kurier terus daripada Bank.
16. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Peraduan dengan mana-mana item lain atau pulangan tunai yang sama nilai mengikut budi bicaranya.
17. Bank tidak memberikan representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian semua Hadiah Peraduan dan Baucar Hadiah. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk

menggantikan mana-mana Hadiah Peraduan dan Baucar Hadiah hendaklah atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri berurusan secara langsung dengan peniaga/pengilang untuk sebarang pertanyaan, maklumat waranti, pertikaian atau tuntutan berkaitan Hadiah Peraduan dan Baucar Hadiah tanpa rekursa kepada Pihak Bank.

18. Pengumuman pemenang Hadiah Peraduan (iaitu, Nama dan nombor MyKad/passport ("ID") bertopeng) akan dipamerkan dalam Laman Web Bank dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari dari Tarikh Pengeluaran Akhir.

### **AM**

19. Kempen ini **TIDAK** sah dengan mana-mana promosi berterusan lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

20. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang layak bersetuju:

- (a) bahawa mereka telah membaca, memahami dan setuju untuk terikat dengan T&S kempen dan T&S untuk Product Sertaan;
- (b) untuk bertanggungjawab untuk memberikan kepada Pihak Bank butiran hubungan mereka yang sah dan terkini termasuk alamat, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel, dan dengan segera memberitahu Pihak Bank sekiranya terdapat perubahan;
- (c) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkodkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen adalah muktamad;
- (d) bahawa semua permohonan untuk Produk Sertaan adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan kredit Bank;
- (e) memberi kebenaran dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka (iaitu nama, nombor ID, alamat, alamat e-mel dan/atau butiran hubungan, jika berkenaan) kepada penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada vendor Bank untuk tujuan Kempen ini;
- (f) bersetuju dan membenarkan Pihak Bank atas penggunaan, pendedahan atau penerbitan data peribadi (iaitu, nama dan nombor ID bertopeng) untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
- (g) untuk memberikan butiran-butiran hubungan terkini dan tepat iaitu, nombor mudah alih dan alamat kepada Pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pihak Bank tidak dapat menghubungi Pemenang yang disenarai-pendek dan/atau menyampaikan Pemberitahuan Pemenang, jika berkenaan, disebabkan oleh nombor mudah alih yang tidak tepat/tidak sah dan/atau alamat yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak atau panggilan pengesahan tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab;
- (h) untuk bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka dibawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen;
- (i) keputusan Pihak Bank atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan yang Layak;
- (j) sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, T&S pada Laman Web Bank akan diguna pakai;
- (k) mengakseskan Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
- (l) telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk terikat dengan [Notis Privasi Bank](#), yang tersedia dalam Laman Web Bank.

21. Bank berhak:-

- (a) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen;

- (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak atas apa jua sebab yang Pihak Bank menurut budi bicara mutlaknyat yang sesuai dalam menyertai Kempen dan/atau berhak menerima Baucar Hadiah dan Hadiah Peraduan; dan
  - (c) untuk membatalkan Baucar Hadiah dan Hadiah Peraduan sekiranya Pelanggan yang layak tidak mematuhi atas T&S yang terkandung.
22. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
23. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S ini, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)